

Mahathir tegur mereka yang berpura2 amal Bahasa Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed hari ini menegur pihak-pihak tertentu yang kononnya mengamalkan Bahasa Malaysia, tetapi yang sebenarnya surat-surat mereka ditulis dulu dalam Bahasa Inggeris dan kemudian diterjemahkan ke Bahasa Malaysia.

"Kalau beginilah caranya, sampai bilapun kita tidak akan cekap dan mahir dalam Bahasa Malaysia," kata beliau.

Penguasaan satu-satu bahasa, katanya bergantung banyak sedikitnya bahasa itu digunakan.

Bahasa tidak boleh dipelajari dengan mengkaji tentang nahu sahaja, tetapi ia mesti dipraktikkan selalu sehingga menjadi satu kebiasaan.

Dr. Mahathir puashati dengan langkah-langkah yang dijalankan oleh badan-badan sukarela tempatan untuk memajukan Bahasa Malaysia.

Kerajaan yakin pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi sepenuhnya akan berjalan tanpa gangguan dan akan mencapai matlamatnya mengikut jadual.

Mulai tahun depan

bahasa pengantar Tingkatan Satu di semua sekolah kerajaan ialah Bahasa Malaysia dan dengan itu bermakna semua mata pelajaran kecuali Bahasa Inggeris akan diajar dalam Bahasa Kebangsaan.

Sementara dalam tahun 1980 penggunaan sepenuhnya Bahasa Malaysia akan meliputi Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

Seterusnya pada tahun 1983 penggunaan Bahasa Malaysia akan meluas hingga ke universiti.

Dengan itu, setiap lapisan rakyat hendaklah melengkapi diri memahirkan diri dalam penggunaan Bahasa Malaysia supaya tidak 'keciwa nanti'.

Menteri Pelajaran menyatakan hal ini merasmikan pertandingan akhir perbahasaan antara sekolah Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya anjuran Kelab Apex di Dewan Bandaraya petang ini.